

PEKA 2 anjur Minggu Kesedaran HIV



Kuantan, 19 Mac - Minggu Kesedaran HIV anjuran Perwakilan Pelajar Kolej Kediaman 2 (PEKA 2) dengan kerjasama Pusat Kesihatan UMP berjaya memupuk kesedaran dan pendidikan kepada warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai bahayanya HIV dan AIDS.

Pengetua Kolej Kediaman 2 (KK2), Nasrul Salim Pakheri berkata, objektif utama program bertujuan meningkatkan kesedaran tentang HIV & AIDS dalam kalangan mahasiswa UMP terutamanya tentang kepentingan ujian saringan serta amalan-amalan pencegahan HIV.

Di samping itu ianya juga dapat meningkatkan pemahaman berkaitan penyakit ini serta mengurangkan stigma dan diskriminasi atau tanggapan yang salah terhadap pesakit HIV/AIDS yang kebanyakannya disisih oleh masyarakat.



"Program juga juga dapat meningkatkan kesedaran amalan penjagaan kesihatan serta sebagai usaha mengumpul dana untuk disumbangkan kepada pesakit dan badan yang bertanggungjawab berkaitan HIV dan AIDS. Pelbagai acara menarik diadakan sepanjang minggu kesedaran ini antaranya Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, Pertandingan Mewarna, Women Talk, Red Ribbon Run, Forum Kesedaran HIV, pameran dan jualan diadakan," katanya.

Sementara itu, pengarah program, Muhammad Alif Mahiddin dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) berkata, sokongan moral kepada pesakit HIV amat penting kerana ini akan dapat mempengaruhi psikologi mereka dan menyebabkan mereka tidak kehadapan untuk mendapatkan rawatan.

Katanya, jika mereka mendapatkan rawatan dan sokongan moral sekurang-kurangnya mereka mampu untuk meneruskan hidup seperti orang biasa. Tidak ketinggalan juga untuk memupuk sifat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa.



Bagi mahasiswa Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Muhammad Amiruddin Adnan, 18 berpendapat program ini memberi kesedaran bahawa HIV tidak mudah untuk dijangkiti melalui sentuhan. Menyisihkan pengidap HIV adalah tidak wajar kerana ini akan mempengaruhi diri mereka dan mereka akan semakin lemah untuk berjuang meneruskan hidup.

Turut berlangsung program Women Talk "Cegah Sebelum Parah" yang disampaikan Ketua Jururawat Klinik Nur Sejahtera LPPKN Kuantan, Juraida Muhammad Daud dalam memberi pendedahan dan kesedaran tentang penyakit yang sering dihadapi wanita dan cara pencegahannya. Antaranya yang dibincangkan termasuklah tips-tips pencegahan kanser, rawatan yang patut diterima serta langkah-langkah pemeriksaan dan mencegah kanser payudara.

Selain itu juga Larian Amal Red Ribbon Run berjaya menarik minat lebih 1000 peserta menyertai aktiviti larian sejauh 6.5km (lelaki) dan 3 km (perempuan) di sekitar kampus Gambang. Program ini juga dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesekarelawan. Hasil dana yang dikumpulkan disumbangkan kepada Pertubuhan Positive Warriors dan Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pesakit HIV dan Aids Nurul Iman (PERNIM).

Penutup Minggu Kesedaran HIV berakhir dengan Forum Kesedaran HIV yang terdiri daripada panel jemputan iaitu Setiausaha Agung Pertubuhan Positive Warriors, Abd Shukor Mohd Yunus, Yang diPertua Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (PERNIM), Hajah Norlina Haji Alawi dan Pakar Perubatan Keluarga, Dr. Iskandar Firzada Osman.

Program turut mendapat sokongan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dan Lembaga Pembangunan Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Berita disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dan gambar sumbangan daripada Jawatankuasa PEKA 2, Suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

